



## **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

### **SIARAN MEDIA**

#### **SABAH TERIMA SUMBANGAN KORPORAT RM622 RIBU**

**KOTA KINABALU, 21 MAC** – Menyedari kepentingan konsep perkongsian nilai korporat atau *Corporate Shared Value* (CSV), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) pada hari ini, telah menerima sumbangan berjumlah RM20,000.00 daripada Alliance Islamic Bank dan sumbangan korporat daripada MyNIC Berhad.

Sumbangan telah disampaikan oleh Encik Jeffrey Law, Ketua Wilayah Sabah Alliance Islamic Bank kepada YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengurus Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sempena Program Kasih Prihatin YKN di Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah

Sumbangan korporat Alliance Islamic Bank merupakan zakat daripada syarikat termasuk zakat yang telah disumbangkan oleh kakitangan bank tersebut, manakala lima unit *tablet* adalah hasil sumbangan MyNIC Berhad. Kesemua sumbangan ini diserahkan kepada anak yatim dan asnaf di Sabah bagi membantu penyediaan keperluan barangang persekolahan mereka.

Menurut Datuk Seri Rina, “pada keseluruhannya YKN telah menerima sebanyak RM622,000.00 sumbangan korporat bagi negeri Sabah. Sumbangan tersebut telah disalurkan melalui program Kembara Prihatin Negara (KPN) yang telah mengagihkan sejumlah 10,000 kotak makanan ke Sabah yang memberi manfaat kepada 40,000 orang penerima”.

Hadir sama YB Dato' Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Pengurus MARA, YBhg. Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik KPWKM merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Fatimah Zuraidah Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, YBhg. Datin Ema Syuhaili Mohamad Sukor, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan Pengurusan Tertinggi KPWKM.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

<b>Nama Akaun</b>	<b>Yayasan Kebajikan Negara Malaysia</b>	
<b>Bank</b>	<b>Alliance Islamic Bank Berhad</b>	<b>Maybank Islamic Bank Berhad</b>
<b>Nombor Akaun</b>	<b>160140010004801</b>	<b>568621012284</b>

\*\*\*

Disediakan oleh:

Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat

Yayasan Kebajikan Negara

Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya.

03-8323 2437/2420